



30 September 2011
30 September 2011
P.U. (A) 333

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2011

LICENSING OF DOGS AND KENNEL ESTABLISHMENTS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)(AMENDMENT) BY-LAWS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2011**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(3) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2011.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991 [*P.U. (A) 470/1991*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 2 —

(a) dengan menggantikan takrif “anjing berlesen” dengan takrif yang berikut:

‘ “anjing berlesen” ertinya anjing yang telah diimplankan dengan mikrochip dan dilesenkan di bawah undang-undang kecil 3;’

(b) dengan memasukkan selepas takrif “anjing berlesen” takrif yang berikut:

‘ “anjing kecil” ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual II;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “anjing kecil” takrif yang berikut:

‘ “anjing terkawal” ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual IV;’;

(d) dengan memasukkan sebelum takrif “Datuk Bandar” takrif yang berikut:

‘ “anjing terlarang” ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual III;’;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “doktor veterinar” takrif yang berikut:

‘ “mikrocip” ertinya suatu peranti elektronik terkod yang diimplankan dalam anjing yang mengandungi nombor pendaftaran anjing itu;’; dan

(f) dengan memasukkan selepas takrif “rumah pembiakan anjing” takrif yang berikut:

‘ “Sijil Mikrocip” ertinya sijil sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual I.”.

Pindaan undang-undang kecil 3

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 3 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pelesenan anjing

3. (1) Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara mana-mana anjing melainkan jika anjing itu dilesenkan menurut Undang-Undang Kecil ini.

(2) Suatu permohonan bagi suatu lesen —

(a) hendaklah dibuat kepada Datuk Bandar mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;

(b) hendaklah disertakan dengan fi sebanyak sepuluh ringgit; dan

(c) dalam hal anjing terkawal, hendaklah dibuat selepas —

(i) pemohon telah mengikuti dan lulus kursus pengendalian anjing; dan

(ii) anjing itu telah mengikuti dan lulus kursus “Canine Good Citizen”,

yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh, selepas menimbangkan permohonan itu, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(4) Jika suatu permohonan untuk lesen diluluskan, pemohon hendaklah menyebabkan anjingnya diimplankan dengan mikrochip di bawah undang-undang kecil 3A.

(5) Suatu lesen hanya boleh diberikan apabila pemohon—

(a) mengemukakan Sijil Mikrochip;

(b) membayar fi tahunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual V; dan

(c) dalam hal anjing terkawal, mengemukakan suatu perakuan yang menunjukkan bahawa pemohon itu telah lulus kursus pengendalian anjing dan anjingnya telah lulus kursus “Canine Good Citizen” menurut subperenggan (2)(c).

(6) Suatu lesen yang diberikan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah sah bagi tempoh minimum satu tahun dan lesen itu boleh dikeluarkan bagi tempoh maksimum sehingga tiga tahun dan ia hendaklah dibaharui pada atau sebelum tempoh itu tamat.

(7) Fi yang dibayar di bawah perenggan (2) tidak boleh dibayar balik.”.

Undang-undang kecil baru 3A, 3B dan 3C

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 3 undang-undang kecil yang berikut:

“Pengimplanan mikrocip

3A. (1) Pemohon di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah, apabila menerima kelulusan permohonan bagi melesenkan anjingnya, membawa anjingnya kepada seorang doktor veterinar bagi pengimplanan mikrocip.

(2) Pengimplanan mikrocip hendaklah dilakukan oleh doktor veterinar yang diluluskan oleh Datuk Bandar.

(3) Suatu mikrocip hendaklah diimplankan dalam anjing pada dorsal di bawah kulit di antara garis tengah kranial hingga skapula anjing itu.